



07 APR, 2025

## 'Tunggu pihak atasan untuk tahu tempat tinggal'

Berita Harian, Malaysia

**Letupan paip gas di Putra Heights**

# 'Tunggu pihak atasan untuk tahu tempat tinggal'

**Pelajar terkesan belum dapat meneruskan pengajian**

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin  
bhnews@bh.com.my

**Subang Jaya:** "Buku, komputer riba, kad matriks, semua habis terbakar. Sekarang kami hanya tunggu arahan pihak atasan untuk tahu nasib tempat tinggal kami."

Itu luahan Nur Liyana Izzati Jasni, 19, pelajar dari Kolej UNITEN yang terkesan dalam insiden letupan paip gas Selasa lalu.

Letupan yang berlaku kira-kira 50 meter dari kediamannya di Kampung Tanjungan Baru itu memusnahkan rumah keluarganya, menyebabkan dia kehilangan semua keperluan pembela-jarannya.

Liyana berkata, dia sudah ber-

ada di pusat pemindahan sementara (PPS) selama lima hari dan belum menghadiri kelas kerana menunggu penempatan semula.

"Esok (hari ini) sepatutnya mu-lai kelas, tetapi saya tidak masuk juga dan sudah maklumkan pi-hak universiti.

"Saya tinggal di rumah ketika kejadian dan memang tidak sempat selamatkan apa-apa barang," katanya.

Penduduk Taman Harmoni yang juga pelajar Universiti Te-naga Nasional (UNITEN), Mohd Hasif Haris Huzaini, 21, bersyukur rumah berserta harta benda mereka masih terselamat dari pada insiden itu.

"Kereta sahaja yang 'cair'. Itu-lah kenderaan yang saya guna-kan untuk ulang-alik ke univer-siti.

"Esok (hari ini) pula ada pe-periksaan pertengahan semester kerana cuti Aidilfitri sudah ber-akhir.

"Nasib baik pihak universiti memberi peluang kepada kami untuk mengambil peperiksaan



Nur Liyana Izzati



Mohd Hasif Haris



Ahmad Darwisy

kemudian," katanya.

#### Terima bantuan

Sementara itu, penuntut Univer-siti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ahmad Darwisy Zulkafli, bersyukur pihak universiti turut me-nyalurkan sumbangan kepada pelajar yang terkesan, termasuk dirinya.

Mereka ditemui media ketika Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Yayasan Perkasa Siswa mengumpulkan data un-tuk pemberian bantuan RM2,000

kepada semua pelajar yang terkesan dalam insiden letupan paip gas di Putra Heights itu.

Sehingga tengah hari sema-lam, pihak yayasan sudah me-nerima hampir 85 borang mak-lumat awal pelajar dari seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) di bawah KPT.

Bantuan peringkat KPT disa-lurkan selepas proses mendapat-kan maklumat pelajar terbabit seperti status pengajian dan nombor akaun bank diselesaikan.